

Semarak Merdeka di Hatiku

Semarak Merdeka di Hatiku yang menampilkan acara wacana buku, ceramah, pertandingan esei, jualan buku dan tayangan filem akan diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, bermula hari ini hingga 13 September ini.

Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan USIM, Nor Azzah Momin, berkata *Wacana Buku - Kuasa Iqra': Menguasai Dunia Menikmati Akhirat* akan dibicarakan oleh pengarang buku itu, Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri pada 12 September ini jam 3 petang.

“Ceramah Kemerdekaan berjudul *Merdeka Dunia Merdeka Akhirat* pula disampaikan pendakwah dan hos program *Tanyalah Ustaz* di TV9, iaitu Muhammad Abdullah Al Amin, pada 11 September, jam 11 pagi.

“Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin pula akan mengisi slot *Khabarkan Kepada: Merdeka Dengan Ilmu* pada 13 September, jam 2.30 petang,” katanya dalam kenyataan melalui e-mel, baru-baru ini.

Nor Azzah berkata, jualan buku ilmiah dan umum turut diadakan yang bakal disertai enam syarikat penerbitan sepanjang acara semarak itu, selain Pameran Arkib Negara.

“Tayangan Perdana Sarjan Hasan, Bukit Kepong dan Leftenan Adnan pula akan diadakan pada 11 September 2012, jam 2.30 petang, manakala tayangan pada 12 dan 13 September pula pada jam 11 pagi.

“Selain itu, Pertandingan Menulis Esei Kemerdekaan turut diadakan yang berakhir 12 September ini dan gerak gempur 55 perpustakaan,” katanya.

Semarak Merdeka di Hatiku dianjurkan Perpustakaan USIM dengan kerjasama Bahagian Penerbitan USIM dan Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, manakala maklumat lanjut hubungi Nor Azzah di talian 06-7986202/019-2338119; faks 06-7993508 atau e-mel norazzah@usim.edu.my